

MUZAFFAR SYAH MALLOW



Sekat pengaruh militan ke atas anak muda

ISU yang melibatkan pengaruh kumpulan militan Negara Islam (IS) terutamanya melalui penggunaan alam siber yang menyasarkan golongan kanak-kanak dan remaja perlu mendapat perhatian yang lebih serius oleh semua pihak yang berkaitan dalam negara ini.

Agensi-agensi yang terbabit dalam aspek pemantauan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan isu ini perlu sentiasa peka setiap masa bagi membendung sebarang pengaruh yang datang dari kumpulan militan ini yang sedang giat untuk menarik generasi muda dari seluruh negara untuk menyertai perjuangan mereka yang songsang itu.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terutamanya perlu memainkan peranan yang lebih aktif bagi mengatasi isu ini dengan lebih berkesan. Namun, usaha tersebut tidak seharusnya dipikul oleh SKMM sahaja, sebaliknya agensi-agensi lain berkaitan juga perlu bekerjasama melakukan langkah pengawalan dan pencegahan agar penularan pengaruh mana-mana kumpulan militan dapat disekat terus daripada tersebar luas ke negara ini melalui golongan muda.

Antara agensi terbabit yang boleh turut sama memikul tanggungjawab menangani pengaruh kumpulan militan serta penganas melalui alam siber selain Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta jabatan-jabatan agama yang mempunyai kuasa di bawah akta dan peraturan perundangan masing-masing untuk mengambil langkah pemantauan, pencegahan, serta tindakan penguatkuasaan undang-undang yang sesuai bagi mencegah kegiatan ini daripada berlaku.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan maklumat risikan yang membongkar sasaran penyertaan kumpulan militan dan penganas bukan sahaja menular dalam kalangan golongan dewasa, bahkan telah mempengaruhi golongan remaja yang masih belajar di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) negara kita. Terdapat juga maklumat kegiatan itu sudah mula mempengaruhi pelajar yang masih berada di bangku sekolah.

Persoalannya sekarang, mengapakah kumpulan pelajar yang berada di IPT dan sekolah menjadi sasaran kumpulan terbabit? Jawapannya mudah, ini adalah kerana mereka dalam usia lingkungan 12 hingga 23 tahun adalah golongan yang paling mudah untuk dipengaruhi oleh pihak yang mempunyai agenda seperti ini.

Golongan ini menjadi sasaran kerana mereka adalah pengguna tegar media sosial bentuk baharu seperti Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan lain-lain yang sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian mereka untuk bersosial serta berkomunikasi.

Bukan sahaja landasan media sosial baharu menjadi saluran untuk bersosial dan komunikasi utama kumpulan anak muda dalam negara ini, malah medium ini juga sentiasa dianggap sebagai sumber maklumat utama dan rujukan mereka.

Justeru tidak hairan kumpulan militan menggunakan saluran media sosial untuk memperluaskan pengaruh mereka yang menjadikan golongan kanak-kanak dan remaja sebagai sasaran baharu mereka untuk direkrut sebagai ahli baharu kumpulan mereka.

Selain itu, pihak keluarga khususnya ibu bapa atau penjaga juga perlu sentiasa memantau segala aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka dari semasa ke semasa.

Tindakan tegas dan segera perlu diambil oleh ibu bapa serta penjaga sekiranya mendapati anak-anak mereka melakukan atau berada dalam keadaan mencurigakan dan cenderung ke arah perlakuan yang bersifat atau berunsur keganasan.

Dengan wujudnya Internet, dunia sudah menjadi semakin mengecil dan tidak lagi dibatasi sempadan. Oleh demikian, amat mudah untuk golongan kanak-kanak dan remaja dalam negara kita untuk memperoleh dan berkongsi maklumat dengan pelbagai pihak termasuk pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu.

Oleh itu, amat penting bagi ibu bapa lebih berhati-hati dan mempunyai kesedaran yang tinggi dalam isu ini bagi memastikan anak-anak mereka tidak terpengaruh dengan unsur militan atau keganasan yang bukan sahaja boleh merosakkan diri mereka sendiri, tetapi turut membahayakan negara.

Guru sekolah serta pensyarah di universiti juga perlu memainkan peranan dalam memberi didikan serta kesedaran kepada pelajar-pelajar mereka mengenai bahaya yang boleh menimpa mereka akibat daripada pengaruh kumpulan militan serta penganas melalui penggunaan Internet.

Memandangkan kebanyakan pengaruh militan serta kumpulan-kumpulan ala penganas ini banyak berpusat serta berada di luar negara, pihak kerajaan hendaklah menjalinkan usahasama setiap masa dengan semua negara bagi membendung isu ini seperti yang telah dilakukan melalui kerjasama serta proses pertukaran maklumat risikan dilaksanakan di peringkat negara-negara serantau ASEAN serta cadangan bagi mewujudkan sebuah Pusat Serantau Digital Memerangi Mesej Melalui Komunikasi (RDC3) khusus bagi memerangi penyebaran ideologi dan propaganda kumpulan militan dan penganas menerusi Internet baru-baru ini oleh pihak kerajaan.

Kita sudah tentu tidak ingin melihat, ramai lagi anak muda kita ditahan oleh pihak berkuasa di dalam atau di luar negara dan terkorban dalam jihad yang sia-sia itu. Pengaruh buruk ini perlu disekat dengan apa cara sekali pun.

DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Golongan ini menjadi sasaran kerana mereka adalah pengguna tegar media sosial bentuk baharu seperti Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan lain-lain yang sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian mereka untuk bersosial serta berkomunikasi.